

Eldy Sham Irlon dan Laura Simon dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2014 pada Majlis Anugerah Sukan yang berlangsung di Grand Ballroom 1Borneo.

Kedua-duanya dipilih sebagai penerima anugerah utama itu atas pencapaian cemerlang dalam bidang sukan yang diceburi.

Bagi Eldy, kehebatannya dalam acara Larian 400 Meter Berpagar sememangnya amat membanggakan. Pencapaian meraih pingat emas dalam kejohanan Sukan Intitusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2014 dan emas pada Majlis Sukan-sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2014, selain menjadi Olahragawan pada Kejohanan Olahraga antara Sekolah UMS telah melayakkan beliau memenangi anugerah berkenaan.

Ketangkasan Laura dalam acara Lawan Pedang Epee pula telah menjadikan

beliau sebagai satu-satunya atlet wanita yang layak untuk meraih anugerah Olahragawati. Beliau merupakan pemenang pingat emas bagi acara itu dalam SUKIPT 2014, Sukan Malaysia (SUKMA), Terbuka Hong Kong dan Terbuka Shenzhen.

Kedua-dua mereka menerima trofi, blazer, sijil dan wang tunai RM1,000.

Dalam pada itu, Pasukan KATA Wanita UMS telah dinobatkan sebagai penerima anugerah Pasukan Terbaik, manakala Jesyntha Chong Yee Shim meraih anugerah Jurulatih Terbaik.

Bagi Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Harapan masing-masing disandang Cheong Pui Siong dan El Said Abdul Aziz.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan Menteri Belia dan Sukan Sabah, Datuk Hj. Tawfiq Datuk Seri Panglima Hj. Abu Bakar Titingan. Hadir sama, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah.



Eldy, Laura Olahragawan dan Olahragawati UMS 2014

UMS Bakal Miliki Padang Rumput Tiruan Bertaraf Antarabangsa

Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal menjadi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pertama yang mempunyai padang rumput tiruan bertaraf antarabangsa.

Perkara itu diumumkan Naib Canselor, Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah ketika berucap pada Majlis Anugerah Sukan UMS 2014 di Grand Ballroom 1Borneo.

Katanya, padang tersebut bertujuan menyokong usaha kerajaan dalam meningkatkan mutu sukan negara khususnya di Sabah.

"Pembinaan padang ini akan menelan belanja sebanyak RM2.5 juta. Justeru, pada malam ini kita melancarkan tabung dana pembiayaan bagi pembinaan padang berkenaan," ujarnya.

Datuk Dr. Harun berkata, setakat ini pihak UMS telah berjaya mengumpul dana sebanyak RM1.5 juta.

"Pro Canselor UMS, Tan Sri Yeoh Tiong Lay telah menyumbang RM500 ribu; Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM20 ribu, manakala selebihnya daripada penaja-penaja lain seperti Carino dan Jeselton," tambahnya lagi.

Majlis pelancaran tabung dana tersebut disempurnakan Menteri Belia dan Sukan Sabah, Datuk Hj. Tawfiq Datuk Seri Panglima Hj. Abu Bakar Titingan.



Gambar: Masan